

Portal MalaysiaBiz mudahkan peniaga PKS

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM


maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Portal MalaysiaBiz yang dilancarkan kerajaan semalam akan menjadi pumudah cara dalam urusan pendaftaran dan perlesenan perniagaan setempat terutama bagi peniaga perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, portal berfungsi sebagai 'pusat sehenti' itu bertujuan mewujudkan persekitaran mesra peniaga bagi meningkatkan daya saing negara serta memacu pertumbuhan ekonomi setempat.

Menurut beliau, ketika pandemik Covid-19 memberi kesan kepada ekonomi, kerajaan mengambil pendekatan inklusif dan menyeluruh bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat.

"Ini termasuk usaha memperkasa agenda pendigitalan yang menjadi salah satu teras dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.



"Justeru, proses digitalisasi ini terus dipergiat dan tumpuan juga diberikan kepada pembangunan ekonomi digital bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi negara pasca Covid-19," kata beliau ketika ucapan pelancaran MalaysiaBiz secara maya semalam.

Portal itu dibangunkan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

(MAMPU) Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan SME Corp.

Sebanyak enam Badan Pendaftaran Perniagaan dan 11 Pihak Berkuasa Melesen (PBM) yang menjadi rakan strategik dalam penyediaan perkhidmatan portal itu.

Muhyiddin berkata, sumbangan PKS terhadap ekonomi

negara dan penyediaan peluang pekerjaan merekodkan 38.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun lalu berbanding 38.3 peratus pada tahun 2018.

Jelas beliau, sebanyak 45 peratus daripada KDNK disasarkan menjelang tahun 2025 dan 50 peratus pada tahun 2030.

Beliau berkata, melihat trend pembelian dalam talian yang terus berkembang pesat maka proses pendigitalan dalam kalangan peniaga perlu dipermudahkan.

"Kerajaan menasaskan sebanyak 40 peratus pendigitalan penyampaian perkhidmatan End-to-end (E2E) menjelang akhir tahun ini berbanding 20.2 peratus pada tahun lalu.

"Sasaran ini juga diperkaskan dengan penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara yang saya sendiri pengerusikan bagi memastikan pembangunan ekonomi digital mampan untuk manfaat semua seiring dengan potensi teknologi 4IR di negara kita," katanya.